

08 FEBRUARI 2018

Sindiket proses, edar dadah tumpas

16 NEGARA!

KOSMO! KHAMIS 8 FEBRUARI 2018

Polis tahan tujuh individu termasuk perancang utama, rampas dadah lebih RM4 juta

Sindiket proses, edar dadah tumpas

Oleh NURUL KHAIRIAH
MOHAMED YUSOF

GOMBAK — Polis berjaya menumpaskan satu sindiket memproses dan pengedaran dadah ke Indonesia bernilai RM4.5 juta dalam lima serbuan di sekitar Lembah Klang pada Isnin lalu.

Turut dirampas adalah pelbagai jenis dadah iaitu 28.1 kilogram (kg) serbuk ekstasi, 1.6kg syabu dan 6,690 biji pil Yaba, wang tunai, kenderaan mewah dan barang kemas.

Pihak polis turut berjaya menahan tujuh individu termasuk seorang wanita warga Vietnam berusia antara 29 hingga 52 tahun.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJN) Bukit Aman, Datuk Kang Chez Chiang berkata, berdasarkan risikan dan maklumat polis, Pasukan Khas Taktikal dan Risikan Narkotik (STING) Bukit Aman

melakukan lima serbuan berasingan di sekitar Lembah Klang selama kira-kira tiga jam bermula pukul 7.30 malam.

Katanya, tangkapan seorang suspek lelaki yang dijalankan di Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur pada pukul 7.30 malam membawa kepada penemuan sebuah makmal mini dadah yang beroperasi di sebuah kondominium di Taman Temples, Rawang.

"Pemeriksaan lanjut dalam premis itu menemui beberapa peralatan memproses dadah dan turut merampas 28.1kg serbuk ekstasi, syabu (1.6kg) dan 6,690 biji pil Yaba.

"Kita turut menyita wang tunai berjumlah 840,000 Vietnam Dong (RM140) serta RM147,000, seutas jam tangan berjenama dan barang kemas yang berjumlah RM563,000.

Turut dirampas adalah tiga kenderaan iaitu masing-masing sebuah pacuan empat roda



ANTARA peralatan memproses dadah yang dirampas dalam serbuan di sebuah kondominium di Taman Temples, Rawang pada Isnin lalu yang dijadikan sebagai makmal mini dadah.

jenis Ford Ranger, kenderaan utiliti sukan jenis Audi Q7 dan kereta jenis Toyota Camry," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak di sini semalam.

Menurut Chez Chiang, pihaknya turut menahan seorang lelaki tempatan berusia 42 tahun yang merupakan perancang utama sindiket itu.

Ujarnya, lelaki itu ditahan bersama teman wanitaranya yang merupakan wanita warga Vietnam berusia 29 tahun di Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak pada pukul 9 malam, hari yang sama.

"Kita kemudian berjaya menahan seorang lagi lelaki di Taman Setia Jaya, Rawang pada pukul 9.30 malam dan tiga lagi suspek termasuk seorang wanita tempatan di Jalan Loke Yew di sini kira-kira 30 minit kemudian.

"Hasil siasatan lanjut mendapat sindiket ini sudah beroperasi lebih enam bulan lalu dan kita percaya mereka ini memproses dadah daripada serbuk ke bentuk pil bagi dierarkan ke pusat hiburan tempatan dan pasarans di negara jiran iaitu ke wilayah Aceh, Jakarta dan Surabaya," ujarnya.